

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ANYI NGAU (BARAM)

TARIKH : 2 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN ANYI NGAU minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan berapa sekolah di Sarawak amnya dan di Baram khasnya yang belum mempunyai tapak yang sah (jika ada). Nyatakan implikasi pembangunan sekolah yang tidak mempunyai tapak yang sah atau tapak yang tidak sah. Nyatakan bilangan sekolah tidak sah di Baram (jika ada) dan apakah tindakan penyelesaian oleh pihak Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyedari bahawa masih terdapat tapak sekolah yang belum ditukar hak milik kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP). Dalam hal ini, KPM komited untuk melaksanakan pemutihan tanah bagi semua sekolah supaya projek pembangunan khususnya penggantian penuh, menaik taraf bangunan atau pembinaan blok tambahan dapat dilaksanakan di sekolah tersebut.

KPM telah mengenal pasti sebanyak 598 sekolah berada di atas tapak bukan hak milik PTP di negeri Sarawak. Daripada jumlah tersebut, terdapat 54 sekolah di kawasan Baram yang berada di atas tapak bukan hak milik PTP.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Garis Panduan Penyediaan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) 2021-2025 yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM), mana-mana tapak sekolah yang belum berstatus hak milik PTP atau badan berkanun Persekutuan, pelaksanaan projek pembangunan tidak dapat dipertimbangkan oleh agensi pusat.

Dalam hal ini, KPM komited untuk memastikan semua tapak sekolah tersebut ditukar status kepada hak milik PTP dengan membuat perolehan tapak mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) dan kerajaan negeri.